

# MCA tangguh pemilihan

3 APR 2002  
Oleh ZULKIFLI JALIL  
dan LAUPA JUNUS

**K**UALA LUMPUR 22 April — MCA bersetuju menangguhkan buat sementara pemilihan bahagian yang dijadualkan pada 27 dan 28 April ini sebagai menyahut pelan damai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu disegerakan pelaksanaan agenda kedamaian dan kestabilan dalam parti tersebut.

Serentak itu, penamaan calon bagi pemilihan peringkat itu yang berlangsung hari ini ditarik balik sebelum tarikh sesuai ditetapkan selepas tempoh penangguhan tamat pada 16 dan 17 Mei ini.

Keputusan itu diumumkan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik selepas pertemuan dengan Dr. Mahathir yang baru beberapa jam kembali ke tanah air selepas lawatan kerja ke Maghribi, Libya dan Bahrain di Putrajaya hari ini.

## ● Komen Ah Lek — Muka 2

Langkah itu dilihat sebagai usaha untuk meredakan pertelingkahan Liong Sik yang menentui Kumpulan A dengan Kumpulan B yang diterajui oleh timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Pertemuan selama dua jam dengan Dr. Mahathir petang ini hanya disertai oleh Liong Sik dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Pertemuan itu adalah kemuncak perkembangan hari ini yang nampak cukup menarik sejak pagi lagi apabila Liong Sik dan Ah Lek sama-sama menyambut kepulangan Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kedua-dua pemimpin MCA itu mendapat perhatian media apabila saling mengangkat tangan bersama Dr. Mahathir sambil meneriakkan slogan "Hidup BN, Hidup BN" dalam aksi mereka di KLIA.

Malah pada suatu ketika, Ah Lek pula kelihatan membisikkan sesuatu kepada Dr. Mahathir dengan turut diperhatikan oleh

■ Lihat muka 4

## MCA tangguh pemilihan

para kenamaan lain.

Sehingga malam ini, keputusan penangguhan pemilihan bahagian itu mendapat reaksi positif daripada Ah Lek yang tidak mengagapnya sebagai kemenangan kepada Kumpulan B.

"Ini bukan seperti permainan bola sepak. Jadi, kita tidak sepatutnya bercakap tentang kemenangan," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Perkembangan lebih menarik akan diketahui esok sama ada pelan damai itu diterima secara mutamad oleh kedua-dua pihak.

Bercakap kepada pemberita di Wisma MCA di sini, lewat petang ini, Liong Sik berkata, terdapat sedikit pengubahsuaian pada cadangan pelan damai asal seperti diumumkan oleh Ah Lek, yang mengekalkan status quo semua peringkat kepimpinan parti.

Sebaliknya, beliau menegaskan, menerusi pertemuan dengan Perdana Menteri, telah diputuskan supaya penamaan calon pemilihan bahagian hanya ditangguhkan manakala pemilihan peringkat negeri dan pusat diteruskan mengikut jadual.

Sehubungan itu, katanya, mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) yang turut dianggotai oleh pemimpin Kumpulan B di Wisma MCA pagi esok, akan memprakaukan pengubahsuaian pelan damai itu dan bertekad menjayakan misi kestabilan parti.

Sebagai tanda persetujuan, pelan damai itu ditandatangani oleh Kumpulan B tetapi dipertikaikan oleh Kumpulan A yang mahu menemui sendiri Dr. Mahathir kerana mendakwa beberapa perkara dalam pelan tersebut bercanggah dengan perlembagaan parti.

Penyertaan Dr. Mahathir dalam menaja pelan damai MCA dibuat atas permintaan Liong Sik sendiri sebagai mengatasi kemelut dengan Kumpulan B yang menuduh terdapat ahli hantu dalam senarai 135,000 keanggotaan baru parti.

Bagaimanapun, dakwaan itu ditolak menerusi pengumuman oleh Setiausaha Agung merangkap Penperusi Jawatankuasa Pemandu Pemilihan MCA, Datuk Seri Dr. Ting Chew Peh yang menjelaskan bahawa hanya 905 ahli parti itu menghadapi masalah berkenaan yang berpunca dari kesilapan teknikal.

Dalam sidang akhbar yang turut dihadiri oleh Naib-Naib Presiden MCA iaitu, Datuk Dr. Fong Chan Onn dan Datuk Seri Ong Ka Ting dan Chew Peh, Liong Sik menjelaskan bahawa rasional penangguhan pemilihan bahagian itu adalah bagi memberi ruang kepada parti melaksanakan agenda kestabilan parti.

Ia juga, katanya, untuk memastikan semua ahli memberi sokongan kepada agenda berkenaan.

"Saya percaya esok semua proses pemahaman mengenai agenda ini akan disokong yang semuanya menjurus untuk kestabilan parti," katanya.

Ditanya sama ada dalam pertemuan dengan Dr. Mahathir hari ini, beliau ada menandatangani perjanjian berhubung pelan damai itu, Liong Sik menegaskan tidak ada keperluan lagi untuk berbuat demikian dan tidak ada lagi perunding damai.

Ditanya mengenai peluang Kumpulan A dan B untuk bersatu semula, beliau berkata: "Agenda pelan damai ini adalah untuk bergerak ke arah itu dan kita yakin penuh.

"Kita akan bekerjasama dan semua pihak perlu berbuat demikian".

Dalam pada itu, Chew Peh ketika ditemui berkata, mesyuarat CC akan menentukan tarikh baru penamaan calon pemilihan peringkat bahagian.

Katanya, pemilihan bahagian kali terakhir dijalankan ialah pada 16 dan 17 Mei 1999 dan mengikut perlembagaan parti, pemilihan bahagian perlu dijalankan setiap tiga tahun sekali sebelum tarikh tersebut.

Terdahulu di Sepang, Dr. Mahathir berkata, beliau akan bertemu dahulu dengan pemimpin MCA sebelum membuat sebarang kenyataan berhubung isu dalam parti itu.

"Saya perlu bercakap dengan dia (Liong Sik) terlebih dulu sebelum bercakap dengan anda (media)," katanya ketika diminta mengulas mengenai perkembangan dalam parti komponen BN itu.

Perdana Menteri juga hanya ketawa ketika ditanya adakah beliau akan menemui para pemimpin MCA daripada kedua-dua kumpulan memandangkan semuanya hadir menyambut ketibaannya di KLIA.

"Semua krisis akan dapat diselesaikan akhirnya," jelasnya.

Mengenai kemungkinan krisis MCA akan mempengaruhi sebarang rancangan kerajaan BN untuk mengadakan pilihan raya umum lebih awal, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak ada jawapan untuk soalan itu.